

Snap akan sokong permohonan PBDS untuk masuk Barisan

KUCHING, Selasa — Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) akan menyokong permohonan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) untuk menyertai Barisan Nasional, kata Presiden Snap, Datuk James Wong, hari ini.

Datuk Wong berkata, untuk kepentingan negeri ini dan negara PBDS diterima setelah parti itu terbukti mendapat sokongan rakyat dalam pilihanraya negeri baru-baru ini.

PBDS, puak yang keluar dari Snap untuk menubuhkan parti itu, memenangi enam dari 14 kerusi yang ditanjinginya. Mereka termasuk Timbalan Presiden Protem PBDS, Datuk Daniel Tajem, seorang Timbalan Menteri yang mengekalkan kerusinya di Lingga dan dua dari naib presiden protem parti itu, Encik Edmund Langgu yang juga Ahli Parlimen bagi Saratok dan Encik Gramong Juna.

Datuk Wong berkata, Snap, satu dari komponen Barisan Nasional Negeri, sebelum ini menentang kemasukan PBDS pimpinan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Persekutuan, Datuk Leo Moggie kerana mereka (Snap) mahu PBDS membuktikan mereka mendapat sokongan rakyat.

"Oleh kerana PBDS telah membuktikan mereka mendapat sokongan rakyat, saya berpendapat bahawa mereka patut dimasukkan dalam Barisan Nasional," katanya.

Datuk Wong juga yakin bahawa pemimpin-pemimpin Snap dapat be-

kerjasama dengan pemimpin-pemimpin PBDS sekiranya parti itu menjadi anggota Barisan Nasional.

"Saya tidak nampak sebab kenapa kita tidak dapat bekerjasama kerana kita boleh berbuat demikian dengan setiap orang. Lagipun, tidak timbul soal peribadi di kalangan pemimpin Snap dan PBDS kerana kita semua bersahabat," kata beliau.

Disiplin

Beliau juga berkata, yang penting sekarang ialah pilihanraya sudah berlaku dan "janganlah perasaan atau tindakan kita dipengaruhi oleh emosi atau rasa dendam."

"Rakyat telah memberi keputusan mereka dan sekiranya kita percayakan demokrasi, kita mestilah menerima keputusan rakyat," tambahnya.

Pemimpin Snap itu juga menjelaskan, pilihanraya negeri baru-baru ini juga membuktikan bahawa Barisan Nasional Negeri seharusnya mengenakan disiplin yang lebih ketat di

masa akan datang untuk tidak menggalakkan penyertaan calon-calon bebas.

Sejumlah 79 orang calon bebas bertanding dalam pilihanraya itu dan empat orang terpilih di Tatau, Dudong, Bengoh dan Engkilili.

Mengenai pencapaian Snap, Datuk Wong yang mengekalkan kerusinya di Limbang dengan kelebihan undi yang kecil, berkata Snap cuma mengalami satu kekalahan.

Parti itu, yang mencalonkan 18 orang termasuk enam orang lama, cuma memenangi lapan kerusi. Semua orang lama itu termasuk Timbalan Presiden Snap, Edward Jeli dan setiausaha agungnya, Joseph Balan Seling dan seorang anggota exco, Michael Ben mengekalkan kerusi masing-masing.

Datuk Wong berkata, sekurang-kurangnya dalam empat kawasan pilihanraya anggota-anggota Snap tewas di tangan anggota Snap sendiri yang bertanding sebagai calon bebas, iaitu di Krian, Engkilili dan Lingga/Sebuyau. — Bernama.